

IHRAM beri pemahaman aspek halal

SEREMBAN 6 Nov. - Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan terus mendidik peserta program dalam menjelaskan pemahaman berkaitan segala aspek halal kepada masyarakat dan industri.

Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim berkata, program Professional Halal Analyst itu adalah kerjasama yang terjalin antara TPM Biotech dan juga Halal Industri Development Corporation (HDC) yang dimeterai perjanggiannya pada 28 Mac lalu.

“Program itu telah bermula dari 23 Oktober hingga 9 Disember akan datang dan jumlah peserta program adalah seramai 30 orang, yang terdiri daripada pelajar, lepasan ijazah dan juga kakitangan industri,” katanya sewaktu berucap pada Program Professional Halal Analyst di USIM, Nilai dekat sini hari ini.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Yang turut hadir Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari dan Naib Presiden Operasi HDC, Norhariti Jalil. Program itu dirasmikan oleh Presiden Persatuan Profesion Eksekutif Halal Malaysia (PEHMA), Dr. Lokman Ab. Rahman.

Kata Alina, sejajar dengan keperluan industri halal sebagai salah satu sektor pelbagai disiplin yang kompleks dan holistik, di samping mewujudkan pelbagai peluang ekonomi yang menuntut pendekatan bersepadu, maka

program berkenaan diwujudkan.

“Program itu direka dengan modul merangkumi bidang ujian kompetensi halal, pengurusan halal, sains dan teknologi halal, sains makanan dan peraturan, instrumentasi analisis halal, standard dan pengauditan Halal selain syariah dan undang-undang,” tegasnya.

Tambahnya tujuan program diadakan bagi memindahkan pengetahuan halal berkaitan hal teori dan praktikal, protokol syariah, prosedur samak, pembangunan makmal dan analisis kepada industri.

“Pihak IHRAM USIM berharap program itu dapat merapatkan jurang pengetahuan dalam bidang halal dengan menyediakan saluran yang diperlukan oleh pelbagai organisasi, sistem dan perkhidmatan, di seluruh rantaian bekalan halal,” ujar Alina.